

# HAYATI ERTI KEMERDEKAAN

» Warga universiti semarakkan semangat patriotisme

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

► Bangi

**S**ambutan Bulan Kemerdekaan yang diadakan setiap tahun di kebanyakan universiti awam dan institusi pengajian tinggi tidak seharusnya dianggap sekadar program tradisi semata-mata, sebaliknya perlu dihayati generasi muda khususnya mahasiswa bagi menghayati nilai kemerdekaan yang sebenar.

Semangat patriotisme perlu ditonjol menerusi penganjuran pelbagai aktiviti berkaitan seperti mengibar bendera Jalur Gemilang, laungan merdeka atau sketsa bagi menyemarakkan rasa kecintaan terhadap kemerdekaan tanah air.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Imran Ho Abdullah, berkata menyorot sejarah perancangan penubuhan UKM sejak tahun 1903, universiti itu adalah sebahagian daripada proses perjuangan kemerdekaan negara. ● V2



## Pupuk nilai **cintakan negara**

◉ Dari muka 1

Katanya, pejuang UKM dengan tegas berpegang bahawa kemerdekaan sebenar adalah apabila rakyat memperoleh kemerdekaan pemikiran yang hanya dapat dibentuk menerusi pendidikan tinggi iaitu dengan penubuhan sebuah universiti untuk rakyat di negara sendiri.

"Penubuhan UKM pada 18 Mei 1970 menunjukkan bahawa UKM adalah satu daripada mercu tanda kepada kemerdekaan tanah air kita.

"Kebanyakan kita yang lahir selepas merdeka seharusnya memahami, mensyukuri dan menghargai kepentingan kemerdekaan negara.

"Nilai kenegaraan seperti cintakan negara, pengorbanan mempertahankan negara dan usaha bersungguh-sungguh membangunkan negara perlu diserap dalam diri semua golongan termasuk mahasiswa yang menjadi pewaris kepemimpinan negara," katanya ketika merasmikan majlis pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat UKM, di sini, baru-baru ini.

Beliau turut mengingatkan warga kampus UKM agar tidak berasa segan atau malu untuk mengibarkan Jalur Gemilang dan menyertai aktiviti kemerdekaan yang dianjurkan, sebaliknya berbangga kerana Jalur Gemilang adalah lambang kesatuan hati, simbol kedaulatan serta tanda maruah diri

sebagai rakyat negara ini.

### **Pelbagai aktiviti**

Di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), pelbagai aktiviti disusun bagi memeriahkan sambutan Bulan Kemerdekaan sekali gus membolehkan warga USIM merasai kegemilangan detik bersejarah kemerdekaan negara, walaupun tidak berada pada zaman ia diperjuangkan.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata antara aktiviti terbabit ialah kibar Jalur Gemilang, wafie Bulan Kemerdekaan, Bicara Bulan Kebangsaan, Bengkel Kursus Penulisan Lirik Patriotik, Perhimpunan Khas Bulan Kemerdekaan, Luahan Anak Merdeka, majlis bacaan Yasin dan



Sebahagian daripada pelajar UKM menurunkan tandatangan pada papan kemerdekaan bersempena sambutan Bulan Kemerdekaan UKM 2015.

doa selamat, Pameran Kemerdekaan dan Wayang Pacak serta Pertandingan Mereka Cipta Sepanduk Bulan Kebangsaan.

Bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan kali ini, Sehati Sejiwa, katanya,

warga USIM berpeluang menyertai acara yang diurus selia oleh Pusat Tanggungjawab USIM bagi membangkitkan semangat cintakan negara serta membentuk semangat kekitaan.